

PM minta Menteri Kesihatan teliti isu babitkan Akta 723

BERITA HARIAN 08 MAY 2025

Mesyuarat Jemaah Menteri turut bincang isu dibangkitkan pengamal perubatan swasta

Oleh Farah Marshita
Abdul Patah

farahmarshita@bh.com.my

Putrajaya: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meminta Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad meneliti isu yang dibangkitkan pengamal perubatan swasta (GP).

Ia susulan perhimpunan di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra, kelmarin bagi menunjukkan bantahan terhadap pelaksanaan Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (Akta 723) yang mewajibkan klinik swasta dan farmasi memamerkan harga ubat-ubatan.

Jurucakap Kerajaan Perpaduan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata isu itu dibincangkan menerusi mesyuarat Jemaah Menteri semalam.

“Apa dibangkitkan adalah membabitkan penggunaan Akta 723 yang berada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Nege-

ri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

“Ada dalam kalangan doktor yang bertanya kenapa akta itu digunakan dan bukan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586),” katanya pada sidang media pasca-Mesyuarat Kabinet, di sini semalam.

Tuntut semak semula akta

Kelmarin, kira-kira 200 doktor dan pengamal perubatan berhimpun di Laman Perdana berhampiran Bangunan Perdana Putra, jam 9.30 pagi.

Antara tuntutan kumpulan itu adalah untuk menyemak semula Akta 723, dengan meletakkan profesion perubatan sepenuhnya di bawah Akta 586 yang dilihat memadai untuk mengawal selia amalan perubatan dan perkhidmatan kesihatan swasta.

Mengulas lanjut, Fahmi berkata, Jadual Ketujuh dalam Akta 586 yang mengawal selia caj pe-

rundingan dan caj tatacara bagi GP di klinik perubatan swasta juga akan dikaji.

Beliau berkata, Dr Dzulkefly memaklumkan bahawa kertas Jemaah Menteri sedang disiapkan.

“Jadual ketujuh akta itu yang mengawal yuran rundingan di klinik swasta, akan dikaji semula.

“Perkara ini dijangka akan dibentangkan semula kepada Jemaah Menteri dalam tempoh satu hingga dua minggu untuk keputusan,” katanya.

Pada 3 Mei lalu, media melaporkan Kementerian Kesihatan (KKM) memberi jaminan bahawa semakan kadar yuran perundingan pegawai perubatan am swasta, akan dimuktamadkan dalam tempoh sebulan.

Dr Dzulkefly dilaporkan berkata untuk itu, Memorandum Jemaah Menteri dan surat pekeliling sudah disediakan dan dijangka dibentangkan dalam tempoh yang sama.

